

## Ketua Palapes Laut UMP Naib Johan Pertandingan Bahasa Mandarin



Kuala Lumpur, 13 Mei- Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Fahmi Muhamad Rasyid Rabuan menang naib johan dalam Pertandingan Chinese Bridge 2017 Peringkat Malaysia yang berlangsung di Institut Kong Zi, Universiti Malaya baru-baru ini.

Kemenangan Fahmi yang merupakan Ketua Palipes Laut UMP dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli ini memberi peluang buatnya terbang ke China atas tajaan Pejabat Kebangsaan Cina Untuk Mengajar Bahasa Cina sebagai Bahasa Asing (Hanban) pada pertandingan dalam Julai nanti.

Menurut Pengarah Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC), Yong Ying Mei berkata, Fahmi menyampaikan pengucapan awam mengenai cita-citanya sebagai seorang Palipes dan menggalas tanggungjawab dengan menyumbang khidmat untuk negara menerusi tajuk "Impian saya" yang telah menarik perhatian juri dan penonton.



"Selain cara penyampaian persembahan Fahmi yang telah menyentuh hati juri dalam sesi soal jawab, beliau juga mempersembahkan yoyo Cina dengan menarik. Fahmi ialah juara dalam pertandingan Pertuturan Bahasa Mandarin peringkat UMP pada Mac lalu sekaligus dicalonkan untuk mewakili UMP dalam pertandingan berkenaan", katanya.

Sementara itu, bagi Fahmi, beliau bersyukur kerana ahli keluarga yang sentiasa memberi sokongan, terutamanya ibu sentiasa memberi dorongan dan motivasi kepadanya dan kemenangan ini dihadiahkan buat ibunya sempena hari ibu yang disambut pada awal bulan Mei lalu.

Fahmi turut berterima kasih kepada jurulatihnya, Yong Ying Mei, yang memberi tunjuk ajar dalam sesi soal jawab dan sesi uji bakat. Turut membantunya seorang jurulatih, Cheng Ching Yee, yang mengajar saya teknik pengucapan awam dalam Bahasa Mandarin.

Pertandingan Chinese Bridge ialah satu siri pertandingan berbahasa Mandarin bagi pelajar bukan Cina di kolej dan universiti termasuk pengucapan awam, soal jawab dan uji bakat. Pertandingan ini disertai 26 calon dari 11 buah universiti di Malaysia.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 24-05-2017, 10:39:16